



Rujukan :KUPSIS.700-6/1/1
 Tarikh : 01.07.2026

Kepada:
Semua Ibu bapa/ Penjaga Murid
SM Sains Kubang Pasu

Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MURID PULANG BERMALAM BULANAN (PILIHAN) DAN KEMBALI KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa murid SM Sains Kubang Pasu akan pulang bermalam pilihan bermula **31 Julai 2026 hingga 1 Ogos 2026**. Sehubungan dengan itu, murid dibenarkan pulang bermalam pada **30 Julai 2026 (Khamis)** dan kembali ke asrama pada **1 Ogos 2026 (Sabtu)** mengikut ketetapan masa berikut:

PULANG BERMALAM			KEMBALI KE ASRAMA			PAKAIAN
Tarikh	Tingkatan	Masa	Tarikh	Tingkatan	Masa	
30.07.2026 (Khamis) Pulang bermalam bulanan	1 hingga 4	2.00 ptg	01.08.2026 (Sabtu)	Tingkatan 1	2.30 ptg – 3.00 ptg	Pakaian Rasmi Outing
				Tingkatan 2	3.00 ptg - 3.30 ptg	
				Tingkatan 3	3.30 ptg - 4.00 ptg	
				Tingkatan 4	4.00 ptg - 4.30 ptg	

Nota:

- Kenderaan ibubapa/penjaga **dibenarkan masuk ke kawasan sekolah/asrama semasa proses mengambil dan menghantar anak/anak jagaan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berharap tuan/puan mengambil sikap berhati-hati dalam pemanduan memandangkan murid-murid masih berada dalam kawasan sekolah.**
- Ibubapa/penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan.
- Murid diingatkan supaya mematuhi prosedur keluar masuk sekolah yang ditetapkan dan membawa masuk barangan /peralatan yang tidak dibenarkan adalah satu kesalahan disiplin seperti telefon bimbit.
- Murid yang tidak sihat** dan tidak dapat kembali ke asrama mestilah memaklumkan kepada PK HEM ataupun warden beserta bukti seperti **surat MC**.
- Kegagalan murid kembali ke asrama pada tarikh dan masa yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan tindakan disiplin.


- f. Murid yang tiba di sekolah selepas jam 5.30 petang hendaklah berjalan kaki sendiri masuk ke kawasan sekolah dan seterusnya ke asrama. **Pintu pagar utama sekolah akan ditutup tepat pada jam 5.30 petang**, dan semua **kenderaan ibu bapa/penjaga/waris tidak dibenarkan masuk** ke kawasan sekolah selepas waktu tersebut.
 - g. Murid diingatkan supaya mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan. Tindakan disiplin akan diambil sekiranya tidak mematuhi etika pakaian yang ditetapkan.
 - h. **Makanan tengah hari tidak disediakan pada 01 Ogos 2026 (Sabtu)**. Makanan hanya akan mula disediakan pada waktu makan malam.
3. Ibu bapa/penjaga diharap dapat membuat perancangan perjalanan dengan sebaiknya bagi memastikan pergerakan murid pulang bermalam dan kembali ke asrama dapat berjalan dengan lancar dan selamat.
 4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh hubungi En. Nazaruddin bin Zainon (Penolong Kanan HEM) ditalian 019-3637195 , Cik Faridah binti Abdul Jabbar (Ketua Warden Asrama) ditalian 017-4573990 atau mana-mana warden asrama.

Kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


MUHAMAAD ASRUL AFENDI BIN ABDULLAH
Pengetua,
Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu.